



PEPERIKSAAN PEMAKAI RACUN MAKHLUK PEROSAK & PEMBANTU PEMAKAI RACUN MAKHLUK PEROSAK BIL 02 / 2018

TARIKH PEPERIKSAAN

25 OKTOBER 2018 (KHAMIS)

TEMPAT PEPERIKSAAN

KUALA LUMPUR / SABAH & SARAWAK

TARIKH PERMOHONAN DIBUKA

05 SEPTEMBER 2018 (RABU)

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

28 SEPTEMBER 2018 (JUMAAT) JAM 5.00 PTG

Kategori peperiksaan dan syarat-syarat adalah seperti berikut:-

1. PEPERIKSAAN PEMAKAI RACUN MAKHLUK PEROSAK

(a) Masa peperiksaan : terbahagi kepada tiga (3) bahagian:-

- Bahagian I (*Objektif*) – 8.45 – 9.45 pagi
- Bahagian II (*Subjektif*) – 10.15 – 11.15 pagi;
- Bahagian III (*Amali*) – 11.45 – 12.45 tengah hari

SYARAT PERMOHONAN

Calon-calon hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Sekurang-kurangnya tamat Tingkatan Lima atau yang setaraf dengannya; **atau**
- (b) Mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman bekerja sebagai **Pembantu Pemakai Racun Makhluk Perosak berlesen** dalam sesuatu syarikat atau perniagaan yang mengendalikan kawalan makhluk perosak; **dan**
- (c) Mengemukakan permohonan kepada Lembaga Racun Makhluk Perosak dengan menggunakan **Borang A1 Subkaedah 5(4)** (yang di cetak melalui *permohonan online*) dan disertakan dengan fi peperiksaan sebanyak **RM150.00**. (Bank Deraf dan Kiriman Wang sahaja)

2. PEPERIKSAAN PEMBANTU PEMAKAI RACUN MAKHLUK PEROSAK

(a) Masa peperiksaan : terbahagi kepada dua (2) bahagian:-

- Bahagian I (*Objektif*) - 2.00 - 3.30 petang;
- Bahagian II (*Amali*) - 4.00 - 5.00 petang

SYARAT PERMOHONAN

Calon-calon hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Mempunyai sekurang-kurangnya kelulusan Tahun Enam; **atau**
- (b) Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) tahun pengalaman bekerja sebagai seorang pekerja yang terlibat dalam pemakaian racun makhluk perosak dalam sesuatu syarikat atau perniagaan yang mengendalikan kawalan makhluk perosak; **dan**
- (c) Mengemukakan permohonan kepada Lembaga Racun Makhluk Perosak dengan menggunakan **Borang A2 Subkaedah 5(4)** (yang di cetak melalui *permohonan online*) dan disertakan dengan fi peperiksaan sebanyak **RM100.00**. (Bank Deraf dan Kiriman Wang sahaja)

CARA MEMOHON

- (a) Permohonan hendaklah dikemukakan dengan menggunakan **Borang A1 Subkaedah 5(4)** atau **Borang A2 Subkaedah 5(4)** SECARA ONLINE dilaman web rasmi kami di <http://www.doa.gov.my/e-perkhidmatan>
- (b) Borang permohonan perlu dicetak dari permohonan ONLINE dan hendaklah dihantar kepada: **SETIAUSAHA LEMBAGA RACUN MAKHLUK PEROSAK, Bahagian Kawalan Racun Perosak, Jabatan Pertanian, Jalan Sultan Salahuddin, 50632 Kuala Lumpur (u/p: Unit PCO, Perlesenan)** dengan menggunakan sampul surat 32 sm x 22 sm. Di sudut atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis peperiksaan yang dipohon samada **Pemakai Racun Makhluk Perosak** atau **Pembantu Pemakai Racun Makhluk Perosak**.
- (c) Sebarang maklumat dan keterangan lanjut hubungi Urusetia Peperiksaan di talian (Tel: 03-20301400 / 1463 / 1464 / 1469 / 1457)
- (d) Pembayaran dan Fi Peperiksaan hanya diterima secara **BANK DERAf** dan **KIRIMAN WANG SAHAJA** atas nama **KETUA PENGARAH PERTANIAN SEMENANJUNG MALAYSIA**.
- (e) Semua permohonan hendaklah mengikut syarat-syarat keperluan yang telah ditetapkan
- (f) Permohonan yang tidak lengkap atau tidak terang dan lewat diterima selepas tarikh tutup samada serahan tangan atau melalui pos **AKAN DITOLAK**.

Nota:

- Jumlah calon peperiksaan adalah **TERHAD**. Lembaga Racun Makhluk Perosak (LRMP) berhak untuk menentukan kedudukan tempat peperiksaan sebenar kepada calon-calon yang layak. Sebarang rayuan Mengenai peperiksaan ini **TIDAK AKAN DILAYAN**.